

Perihal småles

BERITA BUG

Musim Bunga 2020



Kandungan

- 03 Kata alu-aluan daripada Sara
- 04 Mari mewarna
- 06 Spesies lebah
- 08 Siapa yang membentuk koloni lebah
- 10 10 fakta tentang lebah
- 12 Cari perbezaan
- 15 Seni lukis & pertukangan musim bunga
- 16 Mengapakah lebah penting
- 17 Bagaimana boleh kita selamatkan lebah
- 18 Hari tidur sedunia
- 20 Peti masuk @ småles
- 23 Conteng-conteng
- 24 Komik

Hai småles!

Vår (Musim Bunga) kini kembali lagi! Tidakkah adik-adik sukakannya - apabila tumbuhan tumbuh segar, haiwan keluar meneroka dan bunyi lebah berdengung di sekitar? Dalam keluaran ini, kami ingin berkongsi minat kami terhadap lebah bersama dengan adik-adik. Kami harap adik-adik mendapatinya menarik dan akan melindungi serta menyayanginya seperti kami.

Dengan pelukan Big Bug,
Sara

Mari
mewarna



Spesies lebah

Lebah sosial ialah apa yang terlintas di fikiran kita apabila seseorang menyebut "lebah". Mereka tinggal sebagai satu kumpulan besar yang dipanggil koloni dan di dalam sarang, buatan lilin lebah. Walau bagaimanapun, jika mereka rasa koloni atau sarang ini berada dalam bahaya, mereka akan menyengat!



Antara beberapa jenis **lebah sosial** yang biasa:

Lebah Bumble

Mereka dikenali sebagai lebah berbulu yang besar dan menghasilkan cukup madu untuk mereka sendiri.

Lebah Madu

Mereka lebih panjang dan kecil berbanding lebah bumble tetapi merupakan pendebunga paling utama dan menghasilkan banyak madu, malah untuk kita juga.

Lebah Afrikanisasi

Turut dikenali sebagai "lebah pembunuh." Mereka lebih defensif dan lebih pantas untuk menyengat demi melindungi diri mereka.

Adakah adik-adik tahu bahawa terdapat lebih daripada 16,000 spesies lebah di dunia? Namun dengan jumlah yang sebeginu banyak, lebah hanya dibahagikan kepada dua kumpulan ringkas: **Lebah sosial** dan **Lebah bersendirian**.

Lebah bersendirian tinggal dan bekerja sendiri atau dalam satu kumpulan yang sangat kecil. Mereka tidak menghasilkan madu tetapi hanya makanan yang cukup-cukup untuk diri dan larva mereka. Kebanyakan daripada mereka tidak berbahaya kecuali sedikit.



Antara beberapa jenis **lebah bersendirian** yang biasa:

Lebah Tukang Kayu

Seperti namanya, ia menunjukkan bahawa mereka membuat rumah daripada apa-apa yang kayu.



Lebah Mason

Lebah ini suka membuat rumah mereka di dalam binaan simen yang lembut dan terdapat kurang ancaman disengat oleh mereka.



Lebah Peluh

Juga dikenali sebagai "Lebah Alkali". Mereka ini suka akan peluh manusia dan lain-lain haiwan.





Siapa yang membentuk koloni lebah

Di dalam setiap sarang, sentiasa terdapat tiga jenis lebah dan setiap lebah ada tugasnya sendiri: seekor ratu, lebah pekerja, lebah jantan:

Lebah pekerja terdiri daripada lebah betina kesemuanya dan tugas mereka ialah untuk mencari makanan, membuat, menjaga dan melindungi sarang.

Ratu, ialah lebah paling besar dan panjang hayatnya. Dia bertanggungjawab untuk bertelur dan menetaskan telur untuk generasi lebah akan datang.


Lebah jantan berperanan makan bersama-sama dan mengawan ratu. Selepas mengawan, lebah jantan akan mati dan mereka yang tidak dapat mengawan akan dihalau keluar dari sarang sebelum tibanya musim sejuk.

Fakta ceria:
Ratu lebah boleh hidup sehingga lima tahun.

Sumber-sumber:
<https://www.beepods.com/101-fun-bee-facts-about-bees-and-beekeeping/>
<https://plantedwell.com/types-of-bees/>
<https://agdev.anr.udel.edu/maarec/honey-bee-biology/the-colony-and-its-organization/>

Boleh adik-adik cari semua perkataan yang berkaitan dengan lebah?

(Cari petua kami di bawah!)



LEBAH BUMBLE

LEBAH MASON

LEBAH PELUH

LEBAH MADU

SEKAWAN

INDUNG MADU

RATU LEBAH

PENDEBUNGA

LILIN LEBAH

10 fakta tentang lebah

1 Fosil lebah paling tua ditemui berusia **100 juta** tahun.



2 Lebah berkomunikasi melalui **tarian**.



5 Pekerja lebah madu boleh terbang sehingga **32 kilometer** bagi setiap jam.



3 Lebah boleh melihat semua warna kecuali warna **merah**.



30 MERAH

Lebah boleh melihat semua warna kecuali warna **merah**.

























































30 MERAH

lilin lebah

propolis

roti lebah





Cari perbezaan



Bolehkah adik-adik cari
20 perbezaan di
dalam lukisan ini?



Hantarkan jawapan adik-adik berserta nama, nombor pasport Smalesh, umur, alamat dan butir-butir hubungan ke sara@smales.com.my atau **smales, No.2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor**, selewat-lewatnya pada **12 Jun 2020**. 30 pemenang bertuah setiap seorang akan memenangi **Pinggan KALAS, pelbagai warna**.



Boleh adik-adik cari dulang yang sama?



Seni lukis & pertukangan musim bunga

Hasilkan penyusun atau storan Indung Madu adik-adik sendiri:

Apa yang adik-adik perlukan:

- Sekurang-kurangnya 5 penggulung tisu tandas terpakai
- Gunting
- Cat kuning
- Pita glu atau dua muka

Arahan:

- 1) Potong penggulung tisu tandas di tengah-tengah untuk mendapatkan dua penggulung yang lebih pendek.
- 2) Cat penggulung tisu tandas dengan warna kuning dan biarkan kering.
- 3) Seterusnya, tekan gulung kosong sehingga rata dan lipat kepada 3 seksyen yang lebih kecil untuk membentuk heksagon (segi enam).
- 4) Akhir sekali, glu atau lekatkan heksagon ini antara satu sama lain, membentuk indung madu adik-adik sendiri.
- 5) Kini adik-adik boleh mula menyimpan alat tulis atau malah gula-gula adik-adik.



Mengapakah lebah penting?

Serangga bersayap ini sangat penting terhadap ekosistem kita. Mereka merupakan pendebunga paling hebat di dunia - bermakna mereka bantu memindahkan debunga dari satu tumbuhan ke tumbuhan yang lain, bantu tumbuhan berbuah dan menyebarkan benih.

Burung, mamalia kecil dan manusia bergantung kepada mereka untuk mendapatkan makanan, menjadikan mereka pelindung rantaian makanan. Tanpa lebah di dunia, kita akan kehilangan lebih daripada satu pertiga makanan yang kita makan pada setiap hari.

Tetapi apa yang menyedihkan, sejak bertahun-tahun lamanya, populasi mereka berkurangan secara pantas atas beberapa sebab. Daripada kehilangan kediaman dan sumber makanan mereka disebabkan pembasian hutan sehingga kepada meningkatnya penggunaan racun serangga yang lebih kuat pada sumber makanan mereka, mereka menjadi bertambah lemah kerana makanan dan sarang mereka semakin berkurangan.

Bagaimana kita boleh menyelamatkan lebah?

Masih ada lagi masa untuk kita membawa perbezaan. Antara cara-caranya ialah:

Sentiasa mendapatkan maklumat

Baca dan pelajari lebih banyak tentang makhluk berbulu ini. Lebah tidak akan menyengat kecuali mereka berasa mereka dalam bahaya. Dengan memahami mereka secara lebih mendalam, kita akan belajar untuk lebih menghormati mereka.

Tanam tumbuhan mesra lebah

Galakkan lebah untuk hinggap di taman adik-adik dengan menanam pelbagai jenis bunga-bungaan. Lebah sukaan bunga bentuk daisi seperti aster dan bunga matahari.

Kurangkan bahan kimia

Guna hasil organik seboleh-bolehnya dan hadkan penggunaan racun herba dan racun serangga, terutama sekali ketika tumbuhan sedang membesar dan lebah keluar mencari makanan.

Panggil pemelihara lebah, bukan penghapus

Jika sarang lebah menyebabkan adik-adik berasa tidak selesa, panggilah pemelihara lebah yang terlatih yang boleh memindahkan sarang ke tempat yang lebih baik, daripada menghapuskan mereka. Ingat, jangan cuba memindahkan sarang itu sendiri.

Sumber-sumber:
<https://www.theguardian.com/commentisfree/2015/jun/17/why-are-bees-important>
<https://www.youtube.com/watch?v=dPi6eo3OzB4>

Hari tidur sedunia

Semua orang fikir bahawa tidur itu tidak penting, tetapi sebenarnya ya, sama ada anda muda ataupun tua! Hari ini diwujudkan untuk mengingatkan semua tentang kepentingannya!

Kajian telah memberi kita 5 sebab mengapa kita perlukan tidur yang mencukupi pada setiap hari.

1
Tumpu dan belajar dengan lebih baik - Tidur bantu otak mengingati perkara baharu melalui proses penggabungan memori. Adik-adik tentu tidak mahu terlupa dengan apa yang adik-adik pelajari di sekolah, betul tak?



2
Ia membantu selera makan kita dan bagaimana tubuh kita mencernakan makanan yang kita makan. Melalui tidur yang cukup dan pemakanan yang sihat, berat tubuh kita tidak begitu mudah bertambah.



3
Kita akan rasa lebih selamat kerana kita tidak akan tertidur pada siang hari dan melakukan kesilapan cuai yang boleh menyebabkan jatuh, kesilapan perubatan, atau malah kemalangan jalan raya.

4
Tidur yang mencukupi mewujudkan mood yang lebih tenang. Ini bermakna kita lebih sabar dan tentunya bertenaga untuk melakukan perkara-perkara yang kita suka.



5
Ia bantu mengurangkan risiko isu kesihatan seperti stres dan kanser. Tidur memberikan tubuh kita peluang untuk memperbaiki dan memulihkan semula sistem organ kita.



Harap-harap, adik-adik setuju dan sedar mengapa tidur itu penting sekarang. Jadi, inilah jumlah jam tidur yang disyorkan untuk kita semua perlukan pada setiap malam mengikut umur kita:

0 - 4 tahun
Perlukan kira-kira 11 hingga 14 jam



5 - 12 tahun
Perlukan kira-kira 9 hingga 11 jam



13 - 19 tahun
Perlukan kira-kira 8 hingga 10 jam



20 tahun dan ke atas
Perlukan kira-kira 7 hingga 9 jam



Adakah adik-adik tahu bahawa lebah yang sibuk pun perlukan tidur? Jika tidak, perkara mudah pun mereka akan lupa - apa yang mereka lakukan atau bagaimana untuk sampai ke sarang selepas keluar mencari makanan.

PETMASUK @SMALES

Tema keluaran lepas:

★ Ia hari yang begitu indah untuk keluar berpiknik. Matahari bersinar terang dan bunga-bunga sedang berkembang mekar. Setiap orang sedang menikmati makanan mereka apabila tetamu yang tidak diundang muncul tiba-tiba. Agaknya, adik-adik fikir siapa ya?



Jasmine Teo Hui Yin, 10 tahun

Lukisan terbaik



Phua Jing Rou, 11 tahun

Musim panas kini kembali lagi! Cuaca bertambah panas untuk Sara dan Bugbug tinggal di rumah. Apa yang adik-adik fikir mereka ingin lakukan untuk menyegarkan diri mereka?

Sertakan nama, umur, nombor pasport Smålish dan alamat adik-adik, dan hantarkan lukisan adik-adik ke sara@smales.com.my atau smales, No.2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor, selewat-lewatnya pada 12 Jun 2020. 2 pemenang bertuah setiap seorang akan memenangi Kotak ANGALÄGEN, pelbagai warna.



Tema keluaran lepas:

Sara dan Bugbug sedang bersiar-siar di hutan. Setelah melalui separuh daripada laluan, Bugbug telah terhidu bau yang harum. Dengan hidung kepercayaannya, Sara dan Bugbug mengikut bau tersebut. Agaknya di manakah mereka sampai akhirnya?



Sara and Bugbug are taking a walk in the forest. Half way through the trail, Sara catches a whiff of something sweet. With his trusty nose, Sara and Bugbug follow the scent.

The scent led them a little deeper into the forest. It was a long and tiring journey. However, the sweet scent was too tempting for them to give up. After an hour of walking, they finally reached an enchanted land in the forest. There, they saw the source of the sweet scent. Alice and her wonderland friends were having a party.



Right in the middle, was a huge FALHOLMEN outdoor table, laid with various yummylicious goodies. First, they spotted a tall, white vanilla ice cream cake, topped with soft jellybeans, crisp chocolate chips, colourful M&Ms, almonds, raisins and cashew nuts. Sara and Bugbug took a deep sigh and then scanned the rest of the delicacies.

They could see clean white IKEA FLITIGHET bowls and plates filled with KAFFERÖLLE cookies with chocolate or raspberry filling, oat biscuits and cinnamon buns. Followed by VINTERSAGA saffron rolls, PANNKAKOR pancakes, SOTSÅK SKUMTOPP soft marshmallow pastries, BASTISAR pasta, SKORPOR FULLKORN whole grain crisp rolls, MUNSBIT fruit snacks, VAFFLOR waffles, MARABOU milk chocolate rolls and PAJOST cheese pies. To top it all off, there was a LORDAGSGODIS counter. It was set up with crystal clear VARDAGEN glass jars that contained a variety of candy treats, to boost the sugar rush.

Not forgetting the DRYCK PARON assorted fruit juices which were ready to help wash the food out. There was also the magnificent rainbow coloured IKEA KALAS kids plastic BPA free flatware, bowl, plate and tumbler set which were stacked by the side of the table for the buffet. Furthermore, some SVALLERUP flat woven outdoor rugs were thrown around for the picnic party. Last but not least, the whole place was lit up with twinkling STRALA, VISSVASS and LEDFYR LED lighting chains and colourful balloons. In a nutshell, it was a sight to remember and treasure.

Sara and Bugbug were awestruck and stunned at the magical moment that they were taken back when Alice greeted them. After introductions, Alice invited them to the party and they were more than happy to join in. "The more, the Merrier!" Alice cried out aloud. Then, everyone started singing "The more we get together, the Merrier we'll be." It was an amazing party and together they celebrated the beginning of 2020. Happy New Year!

Tejeshvar Jaganathan, 8 tahun

It's spring! Sara and Bugbug are taking a walk in the forest. Half way through the trail, Sara catches a whiff of something sweet! With his trusty nose, Sara and Bugbug follow the scent to a house, a house made out of flowers! They are roses, lilies, sunflowers and many, many more.

"Wow! That's awesome! I wonder who built it!" cried Bugbug in amazement. "Knock! Knock!" "Knock! Knock!"

All of a sudden, a giant squirrel popped out from the house. "Hi guy! How can I help you?" said the squirrel joyfully.

"Can you teach us how to build a flower house like yours?" asked Sara hopefully. "Please?" added Bugbug.

"No problem! We'll have to collect many flowers first!" said the squirrel.

After that, they built the most enormous flower house in the world!

"Wow! That smells great!" said Sara and Bugbug together.

Time flies, and so they head home feeling as happy as a lark.

They gave the house to the other forest animals as a gift.

"We'll always come to visit next time!" said Sara.

"Bye!" cried the squirrel.

Audrey Lin Yi Rei, 11 tahun

Sara dan Bugbug sedang menikmati percutian berkhemah dan baru sahaja kembali daripada bermain di tepi sungai berhampiran tapak perkhemahan mereka. Tiba masanya untuk mereka memasak makan malam mereka tetapi apabila mereka membuka khemah mereka, mereka terkejut. Apakah adik-adik fikir yang berlaku?

Sertakan nama, umur, nombor pasport Smålish dan alamat adik-adik, dan hantarkan surat adik-adik ke sara@smales.com.my atau smales, No.2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor, selewat-lewatnya pada 12 Jun 2020. 2 pemenang bertuah setiap seorang akan memenangi Permainan teg dengan ves dan bola LUSTIGT.



Apakah serangga lain yang jumlahnya sama dengan jumlah lebah?



Conteng-conteng

Isi halaman ini dengan lukisan jenis lebah yang berbeza-beza sebanyak mungkin.

